

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY  
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bakal melanjutkan pemberian moratorium kepada individu dan perusahaan serta memperkenalkan pemberian moratorium tanpa faedah terakru.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Pada 14 Oktober 2021, industri perbankan telah mengumumkan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (atau URUS) bagi golongan kumpulan pendapatan 50 peratus terbawah (atau B50). B50 merupakan isi rumah berpendapatan sehingga 5,880 ringgit sebulan yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19. Program yang menyeluruh ini bukan sahaja membantu peminjam membuat pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat menerusi nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang. Menerusi program ini, peminjam golongan B50 yang memenuhi syarat akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan juga pilihan untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman sehingga 24 bulan secara keseluruhannya.

2. Bagi peminjam lain, termasuk golongan peniaga yang juga terkesan dan memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman selepas pakej PEMULIH tamat, bank-bank akan terus menyediakan pakej bantuan, termasuk pengurangan bayaran ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam. Di samping itu, peminjam juga boleh memohon pelbagai program yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau AKPK), seperti Program Pengurusan Hutang (atau dengan izin, *Debt Management Programme*), Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (atau *Small Debt Resolution Scheme*) dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan (atau *Financial Resilience Support Scheme*). Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan institusi perbankan dan mempunyai ciri-ciri seperti ansuran bulanan yang boleh dikurangkan dengan pelanjutan tempoh bayaran balik dan program sokongan daya tahan kewangan.

3. Inisiatif-inisiatif tersebut jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat yang dizahirkan menerusi institusi perbankan.

Tan Sri Yang di-Pertua,

4. Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman boleh dipertimbangkan kepada semua peminjam yang terjejas berdasarkan permohonan mereka. Permohonan masih dibuka kepada peminjam yang memerlukan dan mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing. Sekiranya peminjam menghadapi kesukaran semasa berurusan dengan pihak bank atau permohonan bantuan bayaran balik pinjaman ditolak, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia secara terus melalui BNM TELELINK.

Sekian, terima kasih.